

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ  
BIN TUN DR. MAHATHIR [JERLUN]**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai arahan menutup pusat-pusat tahfiz di seluruh negara. Berapa jumlah tahfiz yang terlibat.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR TUAN HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pandemik Covid-19 yang melanda dunia hari ini telah memberi impak yang besar kepada semua sektor termasuk sektor pendidikan. Justeru, Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif bagi membantu kelangsungan pengoperasian institusi pendidikan di negara ini termasuk institusi tahfiz swasta yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Agama Negeri. Antaranya dengan memperkenalkan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) bagi membolehkan institusi berkenaan terus dapat beroperasi dalam norma baharu.

2. Berdasarkan maklumat yang disahkan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri, penutupan institusi tahfiz swasta berdaftar adalah hanya bersifat sementara bagi mematuhi arahan Kerajaan supaya rantai jangkitan wabak Covid-19 dapat diputuskan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN NGA KOR MING (TELUK INTAN)**

**SOALAN**

**TUAN NGA KOR MING** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan senarai sekolah-sekolah daif dan kos untuk membaiki sekolah-sekolah tersebut mengikut negeri-negeri di bawah rancangan Malaysia Kedua Belas.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian kepada usaha menyediakan fasiliti bangunan dan kemudahan sekolah terutamanya sekolah yang mempunyai bangunan daif supaya dapat berfungsi dengan baik dan selamat. Ini adalah bagi memastikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dalam keadaan selesa dan kondusif.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia ke-12 *Rolling Plan* 1 tahun 2021, sebanyak 104 projek sekolah daif telah diluluskan untuk KPM dengan kos berjumlah RM1.004 bilion. Sehingga November 2021, semua projek berada dalam fasa pra pembinaan. Senarai projek yang diluluskan mengikut negeri adalah seperti berikut:

<b>Negeri</b>	<b>Jumlah Projek</b>	<b>Kos projek (RM juta)</b>
Sabah	30	500.04
Sarawak	59	402.71
Kedah	5	33.49

**SOALAN NO : 275**

WP Labuan	1	18.39
Terengganu	2	16.16
Perak	2	11.92
Johor	1	6.21
Selangor	2	6.03
Kelantan	1	5.00
Negeri Sembilan	1	4.27
<b>JUMLAH</b>	<b>104</b>	<b>1,004.22</b>

Dalam Rancangan Malaysia ke-12 *Rolling Plan* 2 tahun 2022 pula, sebanyak 42 projek sekolah daif telah diluluskan untuk KPM dengan kos berjumlah RM607.62 juta. Senarai projek yang diluluskan mengikut negeri adalah seperti berikut:

<b>Negeri</b>	<b>Jumlah Projek</b>	<b>Anggaran Kos Projek (RM juta)</b>
Sabah	13	189.25
Sarawak	9	203.85
Kelantan	5	33.60
Kedah	3	43.00
Terengganu	3	15.86
Perak	3	41.50
Selangor	2	33.28
Johor	2	23.20
Negeri Sembilan	2	24.08
<b>JUMLAH</b>	<b>42</b>	<b>607.62</b>